

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN**

**[ KAMPAR ]**

**TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) sama ada tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam transaksi pindah milik tanah FELDA di Jalan Semarak; dan
- (b) sama ada SPRM akan memanggil atau menahan para pengarah FELDA dan Synergy Promenade Sdn. Bhd. untuk memulakan penyiasatan seperti yang berlaku dalam hal projek terowong dasar laut di Pulau Pinang .

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menjawab isu projek pembangunan tanah FELDA di Jalan Semarak di Dewan ini pada 12 Mac 2018 dimana saya telah memaklumkan bahawa kesemua hak milik ke atas lot-lot tanah yang dipindah milik tersebut telah kembali kepada FELDA.

Bagi menjawab soalan berkaitan tindakan sekiranya wujud salah laku, sehingga kini pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih menjalankan siasatan. Dalam masa yang sama, satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman (*Domestic Enquiry*) FELDA telah ditubuhkan bagi meneliti syor dan penemuan yang dikemukakan oleh audit forensik seterusnya mencadangkan kepada Lembaga FELDA bagi tindakan yang sesuai diambil. Skop tugas jawatankuasa ini adalah untuk memastikan bahawa segala proses berkaitan projek KLVC memenuhi tatacara tadbir urus korporat yang baik dan berintegriti. Tempoh masa siasatan adalah selama tiga (3) bulan bermula dari tarikh pelantikan jawatankuasa pada 13 Februari 2018.

47

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati tiada unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam kes pindah milik tanah FELDA di Jalan Semarak. Sebaliknya, perkara itu lebih menjurus kepada kelemahan tadbir urus dan tertakluk di bawah siasatan PDRM.

Sekian, terima kasih.